

7/4/86  
BH

## Ibu negara banjir lagi

SEORANG pemandu lori berdiri atas kenderaannya apabila gagal meneruskan perjalanan selepas terperangkap dalam banjir kilat di susur keluar ke Kuala Lumpur, di Lebuhraya Besraya ketika hujan lebat sekitar ibu negara mulai jam 2.30 petang semalam. Banjir dipercayai berpunca daripada limpahan Sungai Kerayong, berdekatan lebuhraya itu. Kawasan lain yang dilanda banjir termasuk laluan ke Seremban berhampiran TUDM di Sungai Besi, Jalan Peel dekat Bulatan Kampung Pandan dan Institut Jantung Negara di Jalan Tun Razak. Turut terjejas Kampung Thambipillay, di Jalan Klang Lama yang dinaiki air sedalam satu meter.

